

30 MAY 1999

Ekonomi-Kawalan

KAWALAN TUKARAN ASING MALAYSIA BANTU PULIHKAN NEGARA JIRAN

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Ekonomi negara-negara jiran Malaysia yang dilanda krisis kewangan, kembali pulih selepas Kuala Lumpur melaksanakan kawalan pertukaran asing sejak 1 September tahun lepas, kata penasihat Bank Negara, Datuk Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata ada pihak-pihak yang berhujah bahawa negara lain di rantau ini juga semakin pulih walaupun mereka tidak melaksanakan kawalan pertukaran mata wang asing.

Mereka sering lupa bahawa pemulihan ekonomi negara-negara jiran Malaysia adalah kerana langkah-langkah kawalan pertukaran asing yang dilaksanakan kerajaan Malaysia, kata beliau.

Dalam satu artikel bertajuk "Dr Mahathir Penyelamat Bangsa" yang disiarkan dalam ruang rencana isu minggu ini Mingguan Malaysia hari ini, Nor menulis bahawa beberapa bulan sebelum 1 September, pengurus "hedge funds" dan lain-lain manipulator mata wang sedang merancang untuk menyerang sekali lagi mata wang negara-negara di rantau ini.

Katanya, sasarannya ialah untuk melemahkan kadar ringgit kepada RM5 bagi setiap AS\$1 dan mengambil tindakan yang sama terhadap mata wang Thai, Indonesia dan Korea.

"Mereka telah pun mula melaksanakan rancangan ini sedikit demi sedikit. Apabila Malaysia secara mengejut melaksanakan kawalan pertukaran asing pada 1 September 1998, mereka panik dan bukan sahaja membeli semula ringgit tetapi juga mata wang negara-negara rantau ini.

"Yang paling penting, mereka terpaksa membatalkan rancangan serangan tersebut dan tidak berani membuat serangan sedemikian sehingga sekarang," kata Nor.

Kawalan Malaysia ke atas pertukaran mata wang pilihan ialah dengan menetapkan kadar ringgit pada RM3.80 bagi satu dolar AS.

Nor berkata: "Mungkin tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa langkah Malaysia mengawal mata wang asingnya bukan sahaja telah menyelamatkan Malaysia tetapi juga negara-negara di rantau ini."

Katanya, satu lagi kesan positif kepada Korea Selatan, Thailand dan Indonesia berikutan langkah-langkah kawalan pertukaran mata wang asing yang dilaksanakan Malaysia ialah sikap Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan negara-negara Barat.

"Atas sebab-sebab yang telah kita ketahui, IMF dan lain-lain negara Barat tidak mahu kawalan mata wang asing Malaysia berjaya kerana kejayaan langkah berkenaan akan menjejaskan kredibiliti dasar globalisasi dan pasaran bebas yang mereka perjuangkan," kata beliau.

Oleh itu, bagi mereka adalah penting Korea Selatan, Thailand dan Indonesia yang tidak melaksanakan kawalan pertukaran mata wang asing dan sebaliknya menerima bantuan IMF untuk menghasilkan kejayaan yang jauh lebih baik daripada Malaysia, katanya.

"Tindakan mutakhir IMF dengan menurunkan kadar faedah di ketiga-tiga negara ini membuktikannya," kata Nor.

Kata beliau, langkah kawalan pertukaran asing yang dilaksanakan oleh Malaysia itu bukan sahaja menyelamatkan Malaysia daripada bencana tetapi juga negara-negara lain di rantau ini dengan menakut-nakutkan spekulator dan manipulator selain memberi tekanan kepada IMF dan negara-negara Barat untuk melaksanakan pendekatan yang lebih "akomodatif" di Korea Selatan, Thailand dan Indonesia.

Katanya, krisis kewangan merupakan satu tempoh yang paling menarik

kerana ia melahirkan beberapa kualiti terbaik rakyat Malaysia untuk membuktikan kepada masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia adalah satu jalinan masyarakat yang kukuh dan mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menerima gegaran dan kejutan, bahkan tabah menghadapinya.

Kini, kata beliau, Malaysia telah berjaya memulihkan ekonominya berkat ikhtiar rakyatnya sendiri.

"Kita tidak menerima satu sen pun daripada IMF sebagai bantuan Dana IMF yang bernilai AS\$180 bilion," tambah beliau.

--BERNAMA

ES zb